

AKHBAR : SABAH NEWS
TARIKH : 08 DISEMBER 2023
SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : ONLINE
HARI : JUMAAT



Search for
1. ONLINE TRADING ACCOUNTS
2. FREE TRADING ACCOUNTS
Ad | Business Focus

3. FREE ONLINE TRADING
4. APPLY FOR EMERGENCY LOAN

UTAMA

SABAH & SARAWAK

NASIONAL

POLITIK

JENAYAH & KEMALANGAN

ADUAN RAKYAT

LAIN-LAIN

Q

Rakyat Setuju Bayaran Balik PTPTN Adalah Tanggungjawab Yang Perlu Dipenuhi

By Arif Razali - 08/12/2023 0

SHARE



Facebook



Twitter



KUALA LUMPUR – Rakyat Malaysia secara umumnya bersetuju bahawa bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) adalah satu tanggungjawab, akauntabiliti dan keadilan yang perlu dipenuhi oleh para peminjamnya.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mohammad Yusof Apdal berkata maklum balas itu diperoleh daripada penganjuran Hari Terbuka Pendidikan Tinggi yang berlangsung pada 23 Okt lepas.

**"MALANGNYA KITA BERDEPAN DENGAN
KEADAAN RAMAI YANG TIDAK
BERTANGGUNGJAWAB, YANG MENYEBABKAN
TIDAK ADA KEADILAN. MAKNANYA DIA DAH
PINJAM DAHULU UNTUK BELAJAR, BILA DIA
DAH BERJAYA DAN DAH ADA KERJA, DIA TAK
BAYAR.**

"Jadi ini menimbulkan masalah bukan sahaja kepada PTPTN yang terpaksa menanggung hutang yang besar malah yang lebih dahsyat, dia mengganggu peluang orang lain yang nak meneruskan pelajaran," katanya semasa menjadi tetamu program Ruang Bicara terbitan Bernama TV malam tadi.



Datuk Mohammad Yusof Apdal...

Justeru, beliau menggalakkan orang ramai untuk hadir ke Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI di pekarangan Stadium Nasional Bukit Jalil mulai hari ini hingga Ahad bagi mendapatkan khidmat konsultansi untuk menguruskan pembayaran selain menikmati diskaun bayaran balik sehingga 15 peratus.

"Kerajaan telah meluluskan diskaun ini bermula 14 Okt 2023 hingga 31 Mac 2024 namun masih ramai yang tidak mengambil peluang ini. Bagi pengunjung yang membuat bayaran semasa program berlangsung, ada hadiah istimewa yang diberikan selain diskaun.

*"Selain diskaun PTPTN, urusan pembukaan akaun serta penambahan deposit simpanan SSPN juga turut disediakan," **katanya**.*

Mengenai tawaran secara terus bagi kemasukan ke universiti awam, politeknik dan kolej komuniti terpilih, Yusof berkata bagi calon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang belum mendapat tempat pengajian boleh hadir ke reruai Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

"Sila bawa bersama kad pengenalan dan salinan SPM bagi kemasukan ke Program Sepenuh Masa Sesi II 2023/2024. Bagi calon yang tiada SPM dan berminat untuk sambung belajar juga dialu-alukan untuk hadir ke reruai KPT.

*"... sebab di sana kita ada program di bawah Kolej Komuniti yang kita namakan sebagai Pembelajaran Sepanjang Hayat, ini juga akan berikan peluang kepada mereka yang tiada kelulusan minimum untuk mendapatkan peluang kedua di bawah program Kolej Komuniti," **katanya**.*

Terdahulu, KPT dalam kenyataan hari ini memaklumkan akan menawarkan sebanyak 24,500 tempat pengajian di politeknik, kolej komuniti dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) bersempena dengan Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI.

Tawaran itu meliputi 24,000 tempat pengajian secara tawaran terus ke program peringkat diploma dan sijil di politeknik atau kolej komuniti terpilih manakala 500 lagi di lima program pradiploma UiTM untuk pemohon terutama daripada golongan B40.

Yusof juga berharap orang ramai hadir bagi memeriahkan Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI khususnya ke reruai KPT serta menikmati khidmat dan tawaran yang disediakan.

"KITA DI PERINGKAT KPT HARAPKAN SUPAYA PROGRAM YANG TELAH DISUSUNINI UNTUK RAKYAT SUPAYA MEREKA DAPAT MENGETAHUI DENGAN LEBIH MELUAS MENGENAI USAHA DAN INISIATIF YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN MADANI..."

"Sumber maklumat yang sahih amat penting untuk diperoleh jadi sebab itulah melalui program seperti ini... tujuan kita untuk mendapatkan maklum balas daripada rakyat dan mereka dapat bertemu serta bersemuka dengan pihak kementerian, jabatan dan agensi yang bertanggungjawab supaya melalui perkongsian ini, kita dapat membangunkan negara secara bersama," katanya.

– BERNAMA

<https://sabahnews.com.my/rakyat-setuju-bayaran-balik-ptptn-adalah-tanggungjawab-yang-perlu-dipenuhi/>